



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 20 MAC 2024 (RABU)

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• TRAFFIC MATTERS

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBDK MBPJ	• LONGER FREE PARKING TIME NEAR KLANG KOMUTER STATION FROM APRIL 1 • CASHLESS TRANSACTIONS AT ALL 19 PJ RAMADAN BAZAARS
2.	HARIAN METRO	DBKL	• DATUK BANDAR KL MENDAHULUI SENARAI PENERIMA DARJAH KEBESARAN WILAYAH PERSEKUTUAN
3.	BERITA HARIAN	DBKL	• BERI PERUNTUKAN SAKSAMA SEMUA BANDAR DI 13 NEGERI

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• FAULTY FLYOVER JOINT AT MRR2 TO BE REPAIRED • OBSERVE ZERO WASTE DAY ON MARCH 30
2.	SINAR HARIAN	• TEMPOH LULUS LESEN PUSAT HIBURAN, KILANG DAN TADIKA DIPENDEKKAN 14 HARI • BERI PERUNTUKAN SAKSAMA KEPADA SEMUA BANDAR DI 13 NEGERI • HAD LAJU TAK NAIK, KEKAL 110 km/j • KKM BERI KUASA KEPADA 189 PEGAWAI PENGUAT KUASA • TIADA KOMPROMI LANGGAR HAK PEKERJA • LINDUNGI HAK PENGGUNA TUNTUT GANTI RUGI
3.	KOSMO	• KOMPAUN DENGGI RM1.43 JUTA • HAD LAJU KENDERAAN DI NEGARA INI KEKAL 110km/j
4.	HARIAN METRO	• KEADAAN EKONOMI BERBEZA TIADA KEPERLUA RAMBAT RINGGIT
5.	BERITA HARIAN	• DAHULUKAN PRODUK TEMPATAN KUKUH KEMBALI RINGGIT • ATASI ISU SECARA MENYELURUH • MEMACU PERNIAGAAN DENGAN TEKNOLOGI TEPAT
6.	NEW STRAITS TIMES	• TIME FOR INNOVATIVE SOLUTIONS TO PROMOTE GENDER EQUALITY AT WORK • KING CALLS FOR FAIR DISTRIBUTION OF ALLOCATION TO ALL STATES
7.	THE SUN	• SELANGOR SULTAN OPENS 77-YEAR-OLD MOSQUE • TAX SYSTEM REFORMS DONE WITH CAUTION • SELANGOR DENIES RUMOUR ON DEMOLITION OF ICONIC BUILDING • OFFICERS GIVEN THE NOD TO ENFORCE SMOKING BAN



STAR METRO WATCH

TRAFFIC MATTERS

- > Traffic along Jalan SS 20/10 in Petaling Jaya will be changed from two-way direction to a one-way direction from April 1 onwards.
- > The temporary road closure along Jalan Merbah 1 at the Bandar Puchong Jaya commercial centre will be extended until April 1 to facilitate ongoing drainage upgrade works.
- > There will be intermittent road closures and traffic diversions at Jalan SS21/34 (near the bridge at Sungai Kayu Ara) to facilitate LRT3 project-related works from March 20 to March 26, 11pm to 5am. During the closure, motorists heading to Jalan 5 from Jalan SS 21/34 will be diverted to Damansara Puchong Highway (Damansara Bound), Persiaran Bandar Utama, Jalan Masjid, Jalan Teratai and Jalan 5.

THE STAR

Tarikh:.....2...D...MAR...2024

Longer free parking time near Klang Komuter station from April 1



The multi-level carpark on Jalan Raya Timur, Klang, has 583 bays for cars and 68 for motorcycles. — Filepic

FREE parking for 30 minutes will be offered at the multi-level carpark next to Klang's KTM Komuter station on Jalan Raya Timur from April 1.

Railway Assets Corporation (RAC) public relations officer Ane Salfarizan Mispani said that earlier, free parking was only available for 15 minutes.

"This is an effort to encourage motorists to use our parking facilities to drop off or pick up passengers," she said.

Ane said the rate of RMS per day charged by the operator at the multi-level building is the same rate imposed by all RAC-appointed operators.

Asked whether a buggy service would be introduced to ferry people from the multi-level parking area to Jalan Tengku Kelana, Jalan Stesen and Jalan Dato Hamzah, she said this proposal would require a feasibility study.

The three-storey carpark has 583 bays for cars and 68 for motorcycles.

There are nine parking bays for the disabled and 40, identifiable in bright pink, for women.

For the physically challenged, parking is free.

Separately, she said RAC welcomed Klang Royal City

Council's (MBDK) plan to have a dedicated team of uniformed enforcement riders to patrol the area outside the Komuter station's multi-level carpark and near financial institutions to create a safer environment.

On March 16, Klang deputy mayor Mohd Zary Affendi Mohd Arif had proposed the idea to improve public safety.

The plan is to patrol the area around the station, such as along Jalan Stesen as well as Jalan Dato Hamzah where many financial institutions are situated, as reported by *StarMetro*.

— By EDWARD RAJENDRA

THE STAR

Tarikh: 20 MAR 2024

Cashless transactions at all 19 PJ Ramadan bazaars ^{ab} _{th}

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

A NOTABLE shift to cashless trading has been embraced by Ramadan bazaars in recent years.

This year, the Jalan SS6/1 Ramadan bazaar in Petaling Jaya was launched with the theme "Digital & Clean 2024".

It is the biggest bazaar in the city among the 19 locations.

A brief spell of rain did not stop people from gathering at the bazaar where a tent was set up by Petaling Jaya City Council (MBPJ) for Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samington to launch the event.

MBPJ now requires all micro-entrepreneurs at Ramadan, Chinese New Year and Deepavali bazaars to attach proof of a QR code when applying for their business licence.

Mohamad Zahri said, "This is in line with Selangor's drive towards the digitisation of the micro sector via a payment system using a cashless method introduced in 2018, as well as the Smart Selangor Action Plan 2022



From left Dr Ummi, Aznan and Mohamad Zahri at the launch of Digital & Clean 2024. — KAMARUL ARIFFIN/The Star

(SSAP 2025) that was introduced by the Smart Selangor Unit.

"For 2024, 100% of Ramadan bazaar micro-entrepreneurs have attached a QR code and are expected to go cashless.

"We expect the cashless transactions to reach 85% at all 19 bazaar locations.

"This collaboration is carried out with Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)."

Also present were deputy mayor Aznan Hassan, Petaling Jaya MP Lee Chean Chung, Selangor Health Department director Dr Ummi Kalthom Shamsudin and MBI corporate

"We expect the cashless transactions to reach 85% at all 19 bazaar locations."

Mohamad Zahri Samington

social responsibility head Ahmad Azri Zainal Nor.

This year, there are 1,243 lots in Petaling Jaya.

Mohamad Zahri said MBPJ had also spent a large amount of funds on cleaning, especially at the bazaars and markets.

He said this would help reduce problems resulting from rubbish like blocked drains and floods.

"We also want to ensure all micro-entrepreneurs comply with hygiene requirements."

He said a bazaar briefing was held face-to-face with the traders.

"The traders also went through

a course on food handling and menu engineering for Ramadan, as well as a hand swab for E.coli screening," he added.

MBPJ has introduced the Sustenance Basket (*Bakul Rezeki*) campaign at several bazaar locations.

"In addition to avoiding waste, this campaign includes sharing sustenance and caring for the less fortunate this Ramadan," said Mohamad Zahri.

At the Ramadan bazaar in Jalan SS6/1, 154 micro-entrepreneurs (74%) have voluntarily contributed to the 2024 Sustenance Basket programme.

In collaboration with the Selangor Health Department, the Health Ministry will distribute pamphlets containing tips for selecting food at the Ramadan bazaar (for the public), and five food safety guides (for the traders).

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



THE STAR

Tarikh: 20 MAR 2024

By FARID WAHAB
faridwahab@thestar.com.my



Faulty flyover joint at MRR2 to be repaired

WORKS to repair a faulty expansion joint on a Middle Ring Road 2 (MRR2) flyover linking Kepong with Sri Damansara are expected to be completed in four weeks.

According to Bukit Lanjan assemblyman Pua Pei Ling, the Public Works Department (JKR) is expected to disburse RM33,000 for the project on Jalan Kuala Selangor within this week.

She said this during a site visit with personnel from JKR and Works Ministry yesterday.

Pua said she had forwarded complaints received from motorists about the faulty joint, to Petaling JKR in February.

"JKR tried to patch up the affected spot but it caused a small

bump to form on the road surface.

"This is contributing to traffic congestion as motorists have to slow down when approaching the spot," she said.

The stretch is also known to locals as Jalan Kepong-Kuala Selangor.

Pua expressed hope that repairs could be completed before Hari Raya Aidilfitri.

On a related matter, the assemblyman said a study would be conducted by JKR on ways to alleviate traffic congestion in the area. The MRR2 also links to Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) and Duta-Ulu

Kelang Expressway (DUKE).

"I have received many complaints from parents who send their children to school in this area.

"The area used to be congested only during peak hours but now, it is jammed throughout the day.

"JKR will study traffic flow and identify bottlenecks," she added.

Pua also raised concern about the lack of drains along roads in the flood-prone area.

"Several lanes become inaccessible during a downpour, worsening congestion," she added.



RM33,000 has been allocated to repair the flyover joint, which is expected to take four weeks. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star

THE STAR

Tarikh: 20 MAR 2024

'Observe zero waste day on March 30'

Group also calls on Selangor govt to enact law enforcing waste segregation at source

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

SELANGOR government's allocation for local councils to promote waste separation at source is low, says an environmental group.

In a media statement, Jaringan Rawang Tolak Insinerator (JRTI) spokesperson Esther Woo said this was based on the answer provided by the state government to Rawang assemblyman Chua Wei Kiat.

Chua had asked about programmes to be held and how much funding was being allocated to International Zero Waste Day (IZWD), which falls on March 30, during the recent Selangor State Assembly sitting.

The written reply indicated that only five local councils – Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang Jaya and



Woo: Meagre sum allocated to local councils for waste separation at source.

Hulu Selangor – had received some funding, not specifically designated for observing IZWD, but for segregation of waste at source.



Proper waste separation is crucial when disposing of rubbish and to aid recycling efforts. — Filepic

"The combined allocation for these councils amounts to a meagre RM172,000.

"This sum is insufficient when considering the magnitude of challenges faced in waste management," Woo told *StarMetro*.

She said this points to a broader issue of inadequate support for environmental sustainability initiatives.

The group had expressed doubts about the state government's commitment to IZWD.

JRTI called on the state government to observe IZWD and to enact legislation enforcing waste segregation at source.

"The 2024 International Zero Waste Day slogan is 'Beat Waste Pollution'.

"We find it disheartening to see Selangor choosing to disre-

gard the significance of the day.

"Ironically, the state government is launching billion-ringgit waste-to-energy or incinerator projects in Batu Arang, Jeram and Tanjung Dua Belas.

"This stance towards IZWD contradicts sustainable environmental practices," said Woo.

She added that adoption of the Solid Waste and Public Cleansing Management Act 2007 (Act 672) would empower Selangor to enforce mandatory waste separation at source.

So far, Pahang, Johor, Melaka, Negri Sembilan, Perlis, Kedah, Kuala Lumpur and Putrajaya have adopted Act 672.

Earlier this month, Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming said Selangor had in principle agreed to

adopt the Act.

On March 15, Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Sharif said the state government would send a Letter of Intent (LoI) to Housing and Local Government Ministry on the matter soon.

On Dec 14, the United Nations General Assembly adopted a resolution to proclaim March 30 as IZWD, to be observed annually.

It encourages sustainable production and consumption habits and aims at increasing awareness of how zero-waste projects accelerate the 2030 Agenda for Sustainable Development.

StarMetro reached out to state local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suee Lim but did not receive a response at press time.

THE STAR
20 MAR 2024

Tempoh lulus lesen pusat hiburan, kilang dan tadika dipendekkan 14 hari

SHAH ALAM - Proses dokumentasi, penilaian teknikal dan tempoh kelulusan Lesen Berisiko dipendekkan kepada maksimum 14 hari bekerja berbanding 32 hari sebelum ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, kelulusan berkenaan merangkumi lesen pusat hiburan, kilang dan tadika.

"Inisiatif ini mengurangkan bilangan dokumen yang diperlukan kepada empat jenis sahaja dengan menyisihkan dokumentasi secara manual, manakala surat menyurat melibatkan ulasan serta penilaian teknikal semasa atau selepas lawatan tapak dilakukan secara dalam talian.

"Kementerian kini bergerak ke arah mentransformasikan pengurusan hal ehwal pelesenan oleh Bahagian Pelesenan PBT (pihak berkuasa tempatan) serta jabatan atau agensi teknikal untuk memastikan ketelusan dan integriti dalam pengurusan permohonan lesen.

"Selain itu ia bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Dalam pada itu Kor Ming menjelaskan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama PBT telah melaksanakan pelbagai inisiatif antaranya memendekkan tempoh kelulusan permit perniagaan kecil kepada 24 jam dan memberikan kelonggaran kepada syarat sedia ada sekiranya perlu.

Selain itu katanya, inisiatif berkenaan termasuk memanjangkan tempoh waktu berniaga, bilangan hari berniaga, menambah petak penjaja, menguatkuasakan pengeluaran serta pemantauan lesen dan permit perniagaan kepada warganegara Malaysia sahaja.

"Mulai tahun 2024, KPKT memperkenalkan garis panduan OSC Pelesenan PBT bagi seragamkan proses, dokumentasi, prosedur permohonan serta kelulusan lesen di peringkat PBT," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2..0..MAR...2024...

Beri peruntukan saksama kepada semua bandar di 13 negeri

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berharap perhatian dan peruntukan saksama diberikan kepada semua bandar di 13 negeri seluruh Malaysia.

Seri Paduka bertitah, penghijrahan penduduk ke pusat bandar raya akan dapat dikurangkan, selain kesesakan akan lebih terkawal sekiranya semua negeri dibangunkan secara adil.

"Pembangunan ekonomi di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah membuka ba-

nyak peluang pekerjaan serta menyebabkan penghijrahan penduduk dari negeri-negeri ke Wilayah Persekutuan.

"Kerajaan terpaksa membangunkan infrastruktur awam yang lebih cekap untuk mengatasi kesesakan jalan raya dan memenuhi keperluan penduduk bandar raya yang semakin padat.

"Persoalannya, adakah kerana wilayah ini ditadbir secara terus oleh kerajaan Persekutuan, banyak peruntukan pembangunan ditumpukan kepada tiga wilayah ini sahaja," titah Seri Paduka.

Sementara itu, penganalisis politik, Dr Mohammad Tawfik Yaakub berkata, agihan peruntukan itu mampu mengurangkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan pelaksanaan perancangan projek pembangunan secara langsung.

Menurutnya, pembangunan ekonomi yang rancak bukan sahaja membuka banyak peluang pekerjaan baharu, malah berpotensi menarik minat individu yang telah berhijrah ke Kuala Lumpur atau Putrajaya untuk kembali berkhidmat di negeri asal masing-masing.

"Agihan peruntukan ini dapat disalurkan menerusi agensi kerajaan Persekutuan di setiap negeri. Pada pandangan saya, berdasarkan titah Yang di-Pertuan Agong, Seri Paduka mahukan KL dan Putrajaya selepas ini jadi lebih kondusif serta tidak lagi menanggung kesan penghijrahan.

"Ini kerana ia menyebabkan berlaku kesesakan luar biasa, melunturkan identiti asal dengan kemunculan budaya luar negeri lain dan mencetuskan 'hidrasi' pekerja yang berkhidmat dalam suasana stres katanya kepada *Sinar Harian*.

SINAR HARIAN

Tarikh: 20 MAR 2024

Had laju tak naik, kekal 110 km/j

KUALA LUMPUR

Kerajaan masih belum bercadang untuk meningkatkan had laju di negara ini.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, buat masa ini had laju di Malaysia masih lagi kekal 110 kilometer per jam (km/j).

"Buat masa ini Kementerian Pengangkutan dan kerajaan secara amnya, belum bercadang untuk meningkatkan had laju dan masih ditetapkan kekal 110km/j.

"Untuk makluman, bidang kuasa untuk menetapkan had laju ini bukannya di bawah Kementerian Pengangkutan tetapi ia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Sabri Azit (PN-Jerai)** semasa sesi Pertanyaan Menteri-menteri, mengenai statistik kesalahan melanggar kamera perangkap had laju di seluruh negara dan adakah kementerian bercadang menaikkan had laju kepada 120km/j.



ANTHONY LOKE

SINAR HARIAN

Tarikh:2...0...MAR...2024....

KKM beri kuasa kepada 189 pegawai penguat kuasa

sinar 20/3

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi kuasa kepada 189 pegawai penguat kuasa seperti polis bantuan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain di bawah Seksyen 3 Akta Makanan 1983 atau Akta 281 bagi memastikan pematuhan orang ramai terhadap larangan merokok di tempat yang tidak dibenarkan.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, proses itu akan diteruskan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) selain pemeraksanaan masyarakat melalui penglibatan badan bukan kerajaan (NGO), badan profesional dan lain-lain.

"Sehingga kini, terdapat 189 pegawai penguat kuasa dan polis bantuan iaitu 95 penguat kuasa daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), 77 polis bantuan daripada Kumpulan Sunway dan 17 polis bantuan Universiti Teknologi MARA (UITM) Sungai Buloh telah diturunkan kuasa bagi memastikan pematuhan orang ramai," katanya. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: ..2..0..MAR 2024

C 2024
AK

IMSAK

6.05

6.05

6.05

6.04

6.04

6.05

6.07

6.00

6.05

6.02

6.03

6.02

6.01

6.04

6.04

6.03

6.00

6.03

6.01

6.00

Tiada kompromi langgar hak pekerja

Kerajaan akan ambil tindakan tegas kepada semua pihak termasuk parti politik

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Kerajaan tidak akan berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana majikan, termasuk parti politik jika berlaku pelanggaran hak pekerja. Menteri Sumber Manusia, Steven Sim berkata, pendirian kerajaan tetap dan tegas bahawa pekerja berhak ke atas gaji mereka dan ia bukanlah satu perkara yang boleh dipertikaikan.

"Kita tidak akan kompromi di bawah siapa sama ada swasta, kerajaan, parti politik, bukan parti politik. Kesuma (Kementerian Sumber Manusia) akan ambil

tindakan jika hak pekerja tidak dibela.

"Negara kita ada raja dan undang-undang, tak kira siapa pun baik swasta, syarikat kerajaan di negeri Kedah, Pulau Pinang, semua kena ikut undang-undang. Kalau tak salah, jangan khuatir, kita akan bantu," katanya di Dewan Rakyat.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Aminolhuda Hassan (PH-Sri Gading)** semasa sesi Pertanyaan Menteri-menteri tentang satu memo daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia yang tular, berkait satu arahan siasatan pemeriksaan berkanun terhadap Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti), Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) dan Sekolah Menengah Integrasi Teras Islam atau SMITI.

Tambah Steven, mana-mana



STEVEN

pekerja yang terlibat dengan tunggakan gaji oleh majikan, boleh hadir ke Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di cawangan berdekatan bagi mendapatkan khidmat nasihat.

Selain itu katanya, pekerja juga dinasihatkan untuk memfailkan kes buruh di PTK cawangan berkaitan bagi me-

nuntut bayaran gaji yang tidak diterima.

"Kes buruh yang difailkan di PTK cawangan akan dikendalikan melalui mahkamah buruh bagi menyelesaikan tuntutan kewangan oleh pekerja terhadap majikan, sebagaimana dalam peruntukan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955.

"Pendirian kita adalah tegas dan tetap, iaitu pekerja berhak terhadap gaji. Justeru, Kesuma akan menguatkuasakan akta ini dengan sepenuhnya," jelasnya.

Beleh sigat Parti tani jangan sekat

SINAR HARIAN

Tarikh:2..0..MAR..2024.....

Lindungi hak pengguna tuntut ganti rugi

KPDN laksana Kajian
Kebolehlaksanaan
'Lemon Law'

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan 'Lemon Law' bagi memperkasakan hak pengguna di negara ini untuk menuntut ganti rugi.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, ia meliputi pengguna menerima kenderaan bermotor yang rosak atau gagal mematuhi standard kualiti dan prestasi seperti dijanjikan pembekal serta tidak dapat dibaiki.

"Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan langkah kerja perundangan dilaksanakan," katanya

di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Lim Lip Eng (PH-Kepong) semasa sesi pertanyaan menteri-menteri sama ada 'Lemon Law' akan diperkenalkan untuk melindungi hak pengguna dalam pembelian kenderaan baharu dan terpakai sekiranya berlaku kerosakan.



ARMIZAN

Antara remedi yang boleh dituntut oleh pengguna atau pembeli di bawah 'Lemon Law' ini ialah pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Tambah Armizan, cadangan agar 'Lemon Law' tidak perlu melalui prosiding undang-undang seperti tribunal dan mahkamah agar pengguna dapat menuntut ganti rugi mereka, adalah satu opsyen yang boleh dilaksanakan.

"Apa yang dicadangkan oleh Kepong (Lip Eng) merupakan satu opsyen yang saya fikir kita boleh laksanakan sebagai tindakan segera sebelum kajian menyeluruh itu dapat dilaksanakan," jelasnya.

Ujar beliau, kajian kebolehlaksanaan

APA ITU LEMON LAW

Lemon Law adalah satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi (redress) kepada pembeli kereta dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi.

an yang dilaksanakan itu juga tidak bermakna kerajaan ingin memperkenalkan undang-undang baharu.

"Ia sama ada kita perkukuhkan akta perlindungan pengguna sedia ada dan kita tahu kajian ini mengambil masa.

"Kita dalam proses mempertimbangkan untuk meminda mana-mana undang-undang sedia (dan) memperkenalkan satu peraturan di bawah Akta 599 (Akta Perlindungan Pengguna 1999) untuk membolehkan proses tuntutan ini dibuat pada kadar segera.

"Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan rangka kerja perundangan dilaksanakan," katanya.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.0 MAR 2024.....

KKM telah keluarkan 2,866 kompaun berkaitan kawalan penyakit demam denggi

Kompaun denggi RM1.43 juta

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD FUAD

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mengeluarkan sejumlah 2,866 kompaun bernilai RM1.43 juta berkait pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi pada bulan lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, tindakan itu diambil mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975.

"Sejumlah 410 kes telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan dalam masa yang sama sebanyak 86 kes telah disabitkan kesalahan di mahkamah dengan jumlah denda RM199,800," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau memberitahu, KKM turut mengeluarkan sejumlah 5,937 kompaun bernilai lebih RM1.46 juta di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembaku (PPKHT) 2004.

"Melalui penguatkuasaan itu, 25,583 premis yang dilawati, sejumlah 14,299 notis kesalahan dikeluarkan," ujarnya.

Muhammad Radzi berkata, KKM juga mengarahkan sebanyak 263 premis ditutup semen-



SEORANG petugas melakukan semburan asap mencegah nyamuk aedes di sekitar kejiranan. - GAMBAR HIASAN

tara di bawah Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Jumlah premis yang diken-

kan perintah penutupan sementara ini adalah 285 peratus daripada keseluruhan 9,212

premis makanan yang diperiksa menerusi penguatkuasaan akta terbabit.

“

Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh KKM adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan

MUHAMMAD RADZI

"Tindakan penutupan sementara premis makanan yang dikuatkuasakan oleh KKM adalah sebagai suatu langkah menjamin kebersihan premis serta makanan yang dihidangkan," jelasnya.

Beliau menegaskan, tindakan penguatkuasaan merupakan pilihan terakhir yang diambil oleh KKM.

Dalam pada itu, Muhammad Radzi turut menyeru orang ramai menjalankan tugas dan tanggungjawab agar keberkesanan pelaksanaan aktiviti kesihatan mencapai tahap optimum.

KOSMO

Tarikh: 20 MAR 2024

Had laju kenderaan di negara ini kekal 110km/j

Kosmo 20/3

KUALA LUMPUR – Kerajaan masih mengekalkan had laju kenderaan di negara ini iaitu 110 kilometer per jam (km/j) dan tidak bercadang menaikkan had kelajuan tersebut.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, kerajaan secara amnya belum bercadang meningkatkan had laju dan masih ditetapkan untuk mengekalkan dengan kelajuan 110km/j.

"Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan dan kerajaan secara amnya, belum bercadang untuk meningkatkan had laju dan masih ditetapkan kekal 110km/j.

"Untuk makluman, bidang kuasa menetapkan had laju ini bukannya di bawah Kementerian Pengangkutan, tetapi di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya," katanya di Dewan Rakyat



KERAJAAN mengekalkan had laju kenderaan di negara ini 110km/j dan tidak bercadang menaikannya.
– GAMBAR HIASAN

di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Sabri Aziz (**PN-Jerai**) yang ingin tahu mengenai statistik kesalahan melanggar kamera perangkap had laju di seluruh negara dan sama ada Kementerian bercadang menaikkan had laju kepada 120km/j.

Tambah Anthony, sebanyak 556,055 notis dikeluarkan pada 2023 bagi kesalahan melebihi had laju membabitkan Kamera Perangkap Had Laju (AwAS) di seluruh negara.

Katanya, bagi lokasi yang merekodkan ramai pemandu melebihi had laju adalah di KM382.8 Lebuhraya PLUS - Behrang (arah selatan) iaitu 98,911 notis dikeluarkan di antara Jun hingga Disember 2023.

KOSMO

Tarikh: 20 MAR 2024

33 individu dikurnia pingat

HM
28/3
(DBKL)

Datuk Bandar KL mendahului senarai penerima darjah kebesaran Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim semalam, berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 33 individu sempena sambutan Hari Wi-

layah Persekutuan 2024 di Istana Negara, di sini.

Turut berangkat ke istiadat itu adalah Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.

Mendahului senarai penerima adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota

Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat itu turut menyaksikan lapan individu dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk, didahului Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Dr Ching Thoo Kim.

Antara penerima PMW yang lain adalah Pakar Perunding Kanan Pembedahan Vaskular dan Ketua Jabatan Pembedahan Am Hospital Kuala Lumpur Dr Hanif Hussein dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan Ramlee Yatim.

Selain itu lapan individu dianugerahkan Darjah Jo-

han Mahkota Wilayah (JMW), lima individu menerima Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), lima individu juga dianugerahkan Ahli Mahkota Wilayah (AMW) dan enam individu menerima pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

Antara penerima KMW adalah Penasihat Undang-Undang Istana Nega-

ra Zulharry Abdul Rashid.

Istiadat itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa.



ZAILANI (depan lapan dari kanan) menyampalkan bubur lambuk kepada Syed Hussain (depan tujuh dari kanan) untuk diagihkan kepada warga editorial Media Prima di Balai Berita Bangsar. Turut hadir, Ahmad Zaini (depan enam dari kanan). - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

HARIAN METRO
20 MAR 2024
Tarikh:

Kuala Lumpur

Kerajaan tidak merancang untuk menambatkan ringgit pada masa ini, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, melihat kepada penambatan ringgit yang dibuat sekitar tahun 1998, keadaan ekonomi ketika itu berbeza berbanding sekarang.

Menurutnya dari segi kedudukan ekonomi pada 1998, pasaran saham pada masa itu jatuh sebanyak 76 peratus, tetapi sekarang jika dilihat dari awal tahun ini pasaran saham sudah naik sebanyak enam peratus.

Selain itu, pinjaman daripada luar negara pada 1998 adalah pada 16 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding pinjaman daripada luar negara ketika ini hanya pada dua atau satu peratus.

"Kita lihat dari segi reserve (rizab) negara...rizab Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah sekitar RM13 bilion, ia lebih baik berbanding RM26 bilion pada 1998.

"Sehubungan itu, tiada keperluan untuk kita react (bertindak balas) dengan tergesa-gesa mengenai. Memang kerajaan peka terhadap isu ringgit dan akan berusaha untuk menanganinya," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Tan Sri Mohamad Fatmi Che Salleh yang ingin mengetahui adakah kerajaan merancang untuk menambatkan ringgit bagi mengekang atau menjaga aset negara.

Amir Hamzah berkata, penganalisa juga berpendapat bahawa ringgit akan mengukuh pada tahun ini



Keunikan tersendiri

PENIAGA lamb shank percik, Saiful Zharfan Mohd Hamidi, 33, menunjukkan lamb shank percik yang dijual di Bazar Ramadan Stadium Perak di Ipoh, semalam. Saiful Zharfan yang menjalankan perniagaan itu bersama rakannya, Firdaus Aziz, 33, selepas melihat lamb shank menjadi 'trending' sentiasa mempunyai permintaan tinggi daripada orang ramai. Menurutnya lamb shank percik memiliki keunikan tersendiri kerana dimasak dengan cara berbeza iaitu diperap dengan kuah percik sebelum dimasak sehingga lembut lalu dibakar menggunakan arang selama 15 minit.

KEADAAN EKONOMI BERBEZA

TIADA KEPERLUAN TAMBAT RINGGIT

ke tahap yang lebih baik dan diunjurkan meningkat kepada RM4.50.

"Menerusi Kerangka Ekonomi MADANI kita yakin ringgit akan berada pada kedudukan lebih baik pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Amir Hamzah berkata, ringgit berada pada kedudukan pertama berbanding sembilan negara serantau lain selepas langkah-langkah koordinasi antara kerajaan, Bank Negara Malaysia (BNM) serta syarikat pe-

laburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dilaksanakan pada Februari lepas.

Katanya, BNM pada 1 Mac lepas menyatakan terdapat kesan yang serta-merta terhadap aliran pasaran dan peningkatan minat pasaran terhadap ringgit.

"Kerajaan komited dalam memastikan prestasi

nilai ringgit berada pada tahap lebih baik dan mengukuh," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan Senator Nik Mohamad Abdul Aziz yang meminta Menteri Kewangan menyatakan strategi dasar jangka pendek

untuk menguruskan rintangan ekonomi bagi men-

depani kejatuhan nilai ringgit.

Katanya antara langkah segera yang telah diambil ialah BNM sentiasa memastikan pasaran pertukaran asing dalam negeri kekal teratur dan mengekalkan kestabilan kewangan.

"BNM juga terus memantau pasaran kewangan dan mengambil langkah perlu termasuk campurtangan dalam pasaran pertukaran asing untuk membendung pergerakan mata wang yang berlebihan," katanya.

"Memang kerajaan peka terhadap isu ringgit dan berusaha menangannya"
Amir Hamzah

HARIAN METRO

Tarikh: ...2..0..MAR..2024..

'Beri peruntukan saksama semua bandar di 13 negeri'

BH 20/3

(DBKL)

Seri Paduka titah pembangunan ekonomi seimbang mampu kurangkan penghijrahan

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim menzahirkan harapan perhatian dan peruntukan dibahagikan secara saksama kepada semua bandar di 13 negeri seluruh Malaysia.

Seri Paduka Baginda bertitah, sekiranya semua negeri dapat dibangunkan bersama, penghijrahan penduduk ke pusat bandar raya dapat dikurangkan dan kesesakan akan lebih terkawal.

"Pembangunan ekonomi di Kuala Lumpur dan Putrajaya telah membuka banyak peluang pekerjaan dan menyebabkan penghijrahan penduduk dari negeri lain ke kawasan Wilayah Persekutuan.

"Oleh sebab itu, kerajaan terpaksa bangunkan infrastruktur awam yang lebih cekap untuk mengatasi kesesakan jalan raya dan memenuhi keperluan penduduk bandar raya ini yang semakin padat.

"Persoalannya adakah kerana wilayah ini ditadbir secara terus oleh kerajaan Persekutuan, banyak peruntukan pembangunan ditumpukan kepada tiga wilayah ini sahaja?" titah Seri Paduka Baginda.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian pada Titah Diraja sempena Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2024 di Istana Negara di sini, semalam.

Turut berangkat pada istiadat itu adalah Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.

Dalam titah sama, baginda memberi peringatan bahawa baginda memikul amanah Raja-Raja Melayu untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara.

'amat tempoh 'bulan madu'

Sehubungan itu, titah Seri Paduka sebaik sahaja selesai tempoh 'bulan madu', baginda akan melaksanakan cara pemerintahan yang sebenarnya.

"Saya bukan patung untuk diserbah atau dijadikan perhiasan pada majlis atau dipaksa mengikut segala kata dan ke-



Sultan Ibrahim berkenan bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2024 di Istana Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

hendak menteri.

"Kurang dari dua minggu lagi, akan habis dua bulan saya memegang tampuk ketua negara.

"Apabila habis tempoh bulan madu ini...saya akan mulakan cara pemerintahan saya yang sebenar," titah baginda.

Sultan Ibrahim turut menyeru Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memantau kebersihan, selain mengingatkan seluruh rakyat supaya tidak sesuka hati membuang sampah merata-rata.

"Semua orang tahu yang saya suka memandu sendiri kereta saya, jadi saya dapat melihat dengan jelas keadaan jalan raya dan kawasan sekitarnya. Apa yang saya nampak masih ada beberapa tempat di Kuala Lumpur ini yang kebersihannya kurang memuaskan.

"Kerajaan saya bukan kerajaan pungut sampah. Kepada penguat kuasa, jalankanlah tanggungjawab dengan jujur, ikhlas dan amanah," titah baginda.

Pada istiadat berkenaan, Sultan Ibrahim berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan kepada 33 individu, ter-

masuk Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Kamarulzaman Mat Salleh yang dianugerahkan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Istiadat itu turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Bersempena bulan Ramadan, Seri Paduka Baginda turut berpesan kepada seluruh umat Islam di negara ini supaya tidak membazir apabila berbelanja untuk juadah berbuka puasa dan ketika membuat persiapan Aidilfitri kelak.

"Bersempena bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat berpuasa kepada seluruh umat Islam.

"Janganlah membazir kerana pembaziran itu adalah sifat keji yang akan mencacatkan keberkatan dalam bulan Ramadan," titah Seri Paduka Baginda.

BERNAMA

'Dahulukan produk tempatan kukuh kembali ringgit'

BH 20/3

Kuala Lumpur: Semua lapisan rakyat negara ini digalak mengamal sikap mendahulukan produk dan keluaran tempatan dalam kehidupan harian, bagi membantu mengukuhkan kembali nilai ringgit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika membuat gesaan itu, berkata semua pihak perlu memainkan peranan bersama bagi membantu mengukuhkan ringgit yang mutakhir ini menyaksikan penyusutan nilai.

"Rakyat digalakkan mengamalkan sikap 'Malaysia First' (mendahulukan produk tempatan) dalam amalan harian. Ini termasuk membeli barangan domestik serta melabur dalam pasaran modal domestik.

"Kempen melancong di dalam negara juga perlu diperkenalkan dan ditingkatkan," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan yang dikemukakan Mohd Syahir Che Sulaiman (PN-Bachok) di Parlimen.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pelbagai langkah konkrit sudah dan sedang

diambil kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menangani kejatuhan nilai ringgit, termasuk memastikan pasaran pertukaran asing di dalam negeri kekal teratur.

Katanya, BNM akan mengambil langkah perlu termasuk campur tangan untuk membendung pergerakan mata wang yang berlebihan.

"Memantau penukaran hasil eksport kepada ringgit oleh syarikat pengeksporth, selain meneruskan usaha menggalakkan penggunaan mata wang tempatan untuk penyelesaian eksport bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pergerakan dolar Amerika Syarikat," katanya.

Selain itu, katanya, usaha dilaksanakan untuk mengambil tindakan bersepadu dan terselaras bagi membawa masuk aliran dana ke pasaran pertukaran mata wang asing.

"(Di samping) mengawal pelaburan luar negara oleh syarikat swasta, termasuk menggalakkan mereka mengutamakan pelaburan domestik serta menangan-

kan pelaburan luar negara baharu.

"Pelaburan luar negara yang dilaksanakan perlu diurus secara berhemat seperti melindungi nilai pendedahan mata wang asing dan membawa balik hasil pelaburan luar negara bagi mengurangkan tekanan kepada ringgit," katanya.

Menjawab soalan Datuk Larry Soon (PBM-Julau) pula, Anwar berkata, kerajaan memahami isi rumah khususnya B40, lebih terdedah kepada penyusutan nilai ringgit disebabkan bahagian perbelanjaan lebih besar untuk makanan dan minuman, merangkumi 35.4 peratus daripada jumlah perbelanjaan bulanan.

"Keadaan ini menyebabkan golongan ini lebih sensitif kepada pergerakan kadar pertukaran disebabkan kandungan import yang lebih tinggi.

"Bagaimanapun, harga komoditi global menyederhana sedikit sebanyak membendung sebahagian kesan penurunan nilai ringgit terhadap inflasi," katanya.

Katanya, impak penyusutan ni-

lai ringgit adalah lebih tinggi terhadap barangan import, termasuk makanan yang merangkumi daging dan tenusu, ikan dan makanan laut, buah-buahan dan sayur-sayuran.

HVGT peringkat akhir

Dalam perkembangan berasingan, Anwar berkata, kerajaan kini dalam peringkat akhir memuktamadkan beberapa dasar berkenaan Cukai Barangan Bernilai Tinggi (HVGT).

Beliau berkata, pihaknya dalam proses menentukan jenis barang yang akan dikenakan, termasuk nilai ambang penentuan barang bernilai tinggi.

"Cukai Barangan Mewah yang kini dikenali sebagai Cukai Barangan Bernilai Tinggi akan ditentukan mengikut jenis dan kategori barang berdasarkan nilai ambang harga barang.

"Dasar ini akan dikaji dan ditentukan dengan teliti dalam memastikan ia tidak memberi kesan tambahan kepada golongan berpendapatan rendah," katanya ketika menjawab pertanyaan Ros-

lan Hashim (PN-Kulim-Bandar Bharu) yang meminta penjelasan berhubung cukai barangan mewah ke atas barangan untuk nilai cukai bagi setiap RM10,000 serta bagaimana ia memberi kepada golongan M40 dan ke bawah.

Menjawab soalan Datuk Dr Mohd Radzi Jidin (PN-Putrajaya) mengenai bila subsidi bersasar akan dilaksana termasuk implikasi langkah itu, Anwar berkata, mekanisme pelaksanaannya masih dalam pertimbangan dan dijangka tidak meningkatkan kos kepada industri sedia ada.

Namun, Anwar menegaskan, kerajaan tetap menitik berat aspek pelaksanaan dan komunikasi yang berkesan kepada pihak industri agar tidak berlaku kejutan kepada ekonomi.

"Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar ini dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan berasaskan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan serta mengekalkan fokus kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat tidak terjejas," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh 20 MAR 2024

Atasi isu secara menyeluruh

Masalah babit banyak pihak termasuk kerajaan negeri, PBT

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohamed Farid Noh
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Isu penguasaan warga asing dalam rantaian perbekalan sayur-sayuran negara, perlu ditangani secara menyeluruh dan komprehensif, bukan sekadar 'menuding jari' kepada satu pihak.

Ketika menegaskan keperluan itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution, berkata ini kerana isu terbabit bukan perkara baharu dan ia membabitkan banyak pihak, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya pernah berada di KPD-NHEP (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), pernah ada li-bat urus yang lama dengan Kementerian Pertanian kerana ini bukan perkara baharu, bukan se-malam atau baru setahun apabila Kerajaan MADANI ambil alih.

"Saya katakan bahawa dalam perkara keterjaminan bekalan rantaian makanan ini, ia memerlukan satu tindakan kompre-hensif semua pihak. Maknanya, se-mua yang terbabit daripada ke-

Lebih 800 pekebun sayur bakal gulung tikar akibat rakyat asing kuasai rantaian bekalan



Keratan akhbar BH, semalam.

rajaan negeri, PBT dan lokasi mereka salurkan bekalan, di pa-sar lesen di bawah PBT," katanya pada sidang media di sini, se-malam.

Beliau berkata demikian seba-gai mengulas laporan BH mence-nai rantaian perbekalan sa-yur-sayuran di Malaysia didakwa mula dikuasai pendatang asing yang turut dipercayai makin memperluaskan kebun diusaha-kan mereka secara haram dengan saiz keseluruhan kini di-katakan hampir 1,000 hektar.

Kegiatan berkena-an dikatakan mula aktif sejak lima tahun lalu didedahkan Per-sekutuan Penanam Sayur-Sayuran Ma-laysia yang membuat pemantauan dan risi-kan melalui ahlinya di seluruh negara.

Pengerusinya, Lim Ser Kwee, dilaporkan mendakwa pen-da-tang asing warga Indonesia, Bangladesh dan etnik Rohingya kini membina rangkaian, dari peringkat kebun sayur; pengeda-ran hinggalah jualan di lot niaga beberapa pasar borong utama di Semenanjung.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi, berkata ladang sayuran yang di-usahakan secara haram oleh warga asing boleh menyebabkan berlakunya salah guna racun makhluk perosak (RMP) sekali gus membahayakan kesihatan pengguna.

Salah guna racun RMP

Beliau berkata, ini kerana ladang atau kebun sayur haram yang diusahakan warga asing tidak di-pantau Jabatan Pertanian, teru-tama dari segi pengamalan Ama-lan Pertanian Baik (APB) terha-dap aktiviti yang diusahakan.

Katanya, salah guna racun RMP termasuk penggunaannya secara haram dan lain-lain salah laku yang tidak dipantau akan mengeluarkan hasil tanaman yang tidak selamat untuk dima-kan penduduk negara ini.

"Adalah menjadi ke-bimbangan sekiranya ada ladang sayur-sayuran yang diusaha-kan secara haram oleh warga asing ini yang tidak dapat di-pantau oleh Jabatan Pertanian dari segi pengamalan APB da-lam aktiviti pertanian yang diusahakan.

"Tindakan segera pihak berkuasa adalah wajar bagi mem-bendung aktiviti berkenaan ke-rana ia boleh menjejaskan in-dustri agromakanan negara serta mendatangkan kemudaratan kepada rakyat Malaysia teruta-manya disebabkan oleh penggu-

naan RMP yang tidak terkawal. "Pemantauan secara bersama dengan pihak yang terbabit juga perlu dibuat secara berkala bagi menangani isu ini," katanya dalam kenyataan berhubung isu sama.

Nor Sam berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Ma-kanan (KPKM) mengambil mak-lum laporan BH berkaitan isu warga Bangladesh, Indonesia, Rohingya kuasai industri sayur yang dilaporkan Ahad lalu.

Bagaimanapun katanya, KPKM menerusi Jabatan Pertan-ian hanya menjalankan siasa-tan ladang bagi permohonan pe-kerja asing subsektor tanaman yang dimohon majikan atau pen-gusaha projek pertanian warga tempatan yang mempunyai do-kumen hak milik, pajakan/sewa tanah yang sah sahaja.

Beliau berkata, Jabatan Pertan-ian tidak mempunyai kuasa menguat kuasa sebarang akta berkaitan pencerobohan tanah haram untuk aktiviti pertanian oleh warga asing atau tempa-tan.

"Jabatan Pertanian hanya bo-leh mengambil tindakan pen-guatkuasaan undang-undang mengikut Akta Racun Makhluk Perosak 1974 iaitu untuk kawalan pengimportan, perkilangan ra-cun makhluk perosak dengan pendaftaran dan permit serta pen-guatkuasaan.

"Selain itu, Jabatan Pertanian berperanan untuk memberi bim-bingan kepada pengusaha projek pertanian subsektor tanaman mengenai APB dan menggalak-kan pengusaha untuk memohon dan memperoleh pensijilan myGAP," katanya.



Saifuddin Nasution

Memacu perniagaan dengan teknologi tepat

54 20/3

Maxis Business muncul sebagai penyelesaian sehenti PKS

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Maxis Business komited untuk menyokong perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta pasaran pertengahan berkembang serta memacu operasi menerusi penawaran penyelesaian yang tepat dan berkesan.

Sebagai penyedia penyelesaian bersepadu yang membolehkan perniagaan berkembang dan kekal berdaya tahan, Maxis Business mengguna pakai pendekatan yang diperhalusi dengan teliti.

Maxis Business muncul sebagai penyedia penyelesaian sehenti untuk PKS, menangani pelbagai keperluan mereka merangkumi produktiviti, ketersambungan, komunikasi suara dan keperluan aplikasi.

Penekanan yang dibawa melibatkan pemahaman dan penyediaan yang lancar dengan penyedia ekosistem lain, seperti syarikat penyelesaian produktiviti, perisian dan penyelesaian sumber manusia.

Pendekatan bersepadu ini adalah untuk memastikan setiap perniagaan dapat mengurus pelbagai vendor dengan lebih baik dan menyelaraskan operasi mereka dengan cekap.

Bagi syarikat bersaiz sederhana hingga besar pula, Maxis Business memahami selok-belok dan

Maxis Business menyediakan penyelesaian bersepadu yang membolehkan perniagaan berkembang dan kekal berdaya tahan.



permintaan khusus yang wujud dalam setiap industri.

Portfolio penyelesaiannya merangkumi ketersambungan, awan, keselamatan dan internet kebendaan (IoT), yang membolehkan perniagaan memberi tumpuan kepada operasi teras sementara Maxis mengurus keperluan infrastruktur rangkaian dan awan dengan mahir.

Menurut Ketua Pegawai Perniagaan Perusahaan Maxis, Prateek Pashine, pendigitalan adalah satu cara untuk perniagaan mencapai matlamat, di mana syarikat kecil mahupun besar harus jelas tentang matlamat mereka.

"Pendigitalan dapat membantu perniagaan memperluaskan jangkauan pelanggan dengan lebih baik dan berkesan, membantu mengurus dan meningkatkan produktiviti pekerja serta menyelaraskan operasi.

"Pendigitalan malah boleh mengganggu model perniagaan sesebuah industri. Oleh itu, ia

amat penting bagi perniagaan untuk mengetahui isu atau masalah yang ingin diselesaikan sebelum beralih ke pendigitalan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, salah satu kesalahan umum yang sering dilakukan oleh perniagaan adalah menganggap pendigitalan sebagai penyelesaian segala masalah.

"Dalam keadaan tergesa-gesa untuk melaksanakan pendigitalan, perniagaan tidak mengaudit dan mempermudah proses sedia ada untuk menjadikannya lebih baik, lebih berkesan dan sesuai dengan tujuan terlebih dahulu," katanya.

Kenal pasti keutamaan

Prateek menambah bahawa perniagaan harus mengenal pasti keutamaan segera mereka, matlamat untuk dicapai dan menyelaraskan strategi pendigitalan dengan keseluruhan strategi korporat sebelum memilih teknologi

yang tepat untuk berdaya saing dalam pasaran.

Adalah penting untuk fokus kepada menyelesaikan masalah spesifik daripada mencuba menanganinya semuanya sekali gus.

Setiap perniagaan memiliki keunikan tersendiri, justeru memerlukan penyelesaian bersesuaian dengan keperluan perniagaan masing-masing.

Mereka juga perlu menentukan penanda aras berbanding dengan pesaing dalam pasaran dan mengikuti perkembangan di pasaran untuk mengekalkan daya saing.

Pendekatan ini membantu menentukan cara pendigitalan yang boleh disesuaikan dengan tepat kepada keperluan khusus mereka.

Prateek berkata, kesilapan dalam penilaian keperluan pendigitalan boleh memberi impak besar kepada operasi perniagaan.

Justeru, katanya, pemilihan rakan kongsi yang memiliki pengalaman dan kehadiran terbukti di

Pendigitalan dapat membantu perniagaan memperluaskan jangkauan pelanggan dengan lebih baik dan berkesan, membantu mengurus dan meningkatkan produktiviti pekerja, menyelaraskan operasi



Prateek Pashine,
Ketua Pegawai
Perniagaan
Perusahaan
Maxis

peringkat nasional adalah keputusan yang tepat.

Dengan penyelesaian komprehensif Maxis Business, pelanggan akan mendapat panduan, nasihat dan tip untuk transformasi digital yang berjaya, seterusnya membolehkan pelanggan memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan skala dan pertumbuhan perniagaan.



Imbas di sini untuk maklumat lanjut mengenai Maxis Business.



Dengan pendekatan yang bersepadu, Maxis Business membantu menyelaraskan operasi dengan lebih cekap.



Maxis Business memahami selok-belok dan permintaan khusus yang wujud dalam setiap industri.

BERITA HARIAN

Tarikh.....20..MAR..2024.....

WOMEN IN WORKFORCE

Time for innovative solutions to promote gender equality at work

AS Malaysia progresses towards gender equality, policymakers must reconsider their approach to supporting wage earners.

Instead of perpetuating traditional gender roles, they should develop policies that recognise and address the diverse needs of women in the workforce.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim last week proposed the adoption of flexible or shorter working hours for women in public services to ease the strain on those torn between

work commitments and caregiving responsibilities.

The proposal has ignited a debate on whether these measures empower women or reinforce gender norms.

Although flexible working arrangements may provide temporary relief for women juggling work and caregiving, they fail to tackle the root causes of gender inequality in the workplace.

The Global Gender Gap Report 2023 by the World Economic Forum said Malaysia ranked at 102nd place among 146 surveyed countries, trailing behind

all but one Asean nation.

This underscores the need for innovative solutions to promote gender equality in the workplace.

In Malaysia, as in many other countries, women bear a disproportionate burden of childcare responsibilities.

The Khazanah Research Institute's pilot Time Use study in 2018 found that Malaysian women spent an average of 3.6 hours (15.2 per cent) on unpaid care work, compared with men's 2.2 hours (9.3 per cent).

Thus, women devoted 63.6 per cent

more time on average to unpaid care work than men.

In another aspect, female public servants receive 90 days of paid maternity leave, while their male counterparts are granted seven days of paid paternity leave. Female civil servants also can take up to one year of unpaid childcare leave.

Transforming these benefits into shared resources for working parents could revolutionise the landscape, mitigating the impact of childcare on women's professional paths.

This shift would represent a significant stride towards gender equality in the workplace.

Thus, by investing in childcare infrastructure, promoting gender-balanced caregiving responsibilities, and dismantling systemic barriers to women's advancement, Malaysia can create a more inclusive and supportive environment professionally and personally.

HAZEL LO
Kuala Lumpur

NEW STRAITS TIMES
Tarih: 20 MAR 2024

FOR DEVELOPMENT

King calls for fair distribution of allocation to all states

KUALA LUMPUR: His Majesty Sultan Ibrahim, King of Malaysia, yesterday expressed hope that attention and allocation for development would be distributed fairly to all towns in the 13 states.

The king said if all states could be developed together, migration to big cities could be reduced and congestion would be better controlled.

"The economic development in Kuala Lumpur and Putrajaya has opened up many job opportunities and has led to the migration of people from other states to the Federal Territories.

"The government must develop more efficient public infrastructure to address traffic congestion and meet the needs of these increasingly dense urban populations.

"The question is, is it because these Federal Territories (Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan) are directly governed by the federal government, a lot of development funding is concentrated only in these three territories," His Majesty said in his address at the investiture ceremony of Federal Territories awards, medals and honours at Istana Negara yesterday.

Sultan Ibrahim also called on the Kuala Lumpur City Hall to constantly monitor cleanliness in its areas, and reminded all Malaysians not to litter.

"Everyone knows that I like to drive my car myself, so I can see the condition of the road and the surrounding areas.

"What I see is that there are still some places in Kuala Lumpur where the cleanliness is not satisfactory.

"My government is not a garbage collection government. To the enforcement officers, carry out your responsibilities with honesty, sincerity and trust," His Majesty said.

In conjunction with Ramadan, His Majesty also advised Muslims in the country not to be wasteful when spending on iftar meals and when preparing for Hari Raya Aidilfitri later.

"I would also like to take this opportunity to wish all Muslims a blessed fasting month.

"Do not be wasteful because wastefulness is a despicable trait that will diminish the blessings of Ramadan," said His Majesty.

Bernama

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: ...2..0..MAR..2024....

Selangor Sultan opens 77-year-old mosque

SABAK BERNAM: The Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah officially declared open a 77-year-old mosque in Kampung Sungai Haji Dorani here and broke fast with the villagers on Monday.

Masjid An Nur was built as a surau in 1947 and the villagers elevated it to a mosque two years later.

The Sultan, accompanied by the Raja Muda of Selangor Tengku Amir Shah, was greeted by Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari and State Secretary Datuk Haris Kasim.

Also present were state Islamic and Cultural Innovation Committee chairman Dr Mohammad Fahmi Ngah, Selangor Islamic Religious Council chairman Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof and Selangor Islamic Religious Department director Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

Sultan Sharafuddin also graciously joined villagers in breaking the fast and distributed RM500 worth of Aidilfitri contributions each, totalling RM229,500, to 458 recipients comprising the *asnaf*, needy and converts in the Sabak Bernam district.

The Sultan delivered a speech to inaugurate Masjid An Nur before signing the inauguration plaque to conclude the ceremony.

With a grant of RM400,000 provided by the Selangor Islamic Religious Department, the mosque's facilities have been upgraded to accommodate about 550 worshippers, complete with air-conditioning, meeting room, sacrificial slaughter area, women's ablution facilities and parking space to meet current needs.

Sultan Sharafuddin performed the *Maghrib*, *Isyak*, and *Tarawih* prayers with the congregation. - Bernama

Sultan Sharafuddin, accompanied by Tengku Amir Shah, signing a plaque at the mosque in Sabak Bernam yesterday. - **BERNAMA PIC**



THE SUN

Tarikh: 20 MAR 2024

Tax system reforms done with caution

» 'Govt must balance need to grow revenue with desire to protect people from excessive burden'

KUALA LUMPUR: The government has always taken a cautious approach to reforming the national tax system, said Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

He said although there is a need to grow the country's revenue, the government needs to balance that desire with the need to protect the people from excessive burden.

"Tax reforms through Budget 2024 support the *Madani* government's efforts to strengthen the fiscal base and place the country's economy on a better track.

"An example of tax reform is the increase in the service tax rate from 6% to 8% effective from March 1, which focuses on activities related to discretionary services and activities between businesses," said Amir Hamzah during a question-and-answer session in the Dewan Negara yesterday.

He said the service tax increase does

not involve services that are basic needs and part of the people's lifestyle.

"This is to ensure that the people are not burdened with higher consumption tax rates, especially for essential services such as food and beverage, parking, telecommunications and logistics.

"The government expects that this change will not cause a sudden increase in the price of services and will not bring a shock to the economy."

He said it had also enacted the Public Finance and Fiscal Responsibility Act 2023, which came into effect on Jan 1, so that the government could deal with its fiscal governance issues.

"The government will remain committed to fiscal consolidation in the medium term, and special focus will be given to ensure fiscal sustainability through sustainable revenue generation, and expenditure effectiveness via better efficiency, reduction in leakage and wastage."

He said Malaysia practises an anti-cyclical economic policy in which the Finance Ministry regulates fiscal policy through the Treasury, and monetary policy through Bank Negara Malaysia, so that both policies would ensure that the level of national economic growth remains stable.

Amir Hamzah said these are implemented through intervention policies to hinder the economic cycle from growing too slowly or too fast, Bernama reported.

"At the same time, the Finance Ministry needs to ensure that there are sufficient funds so that the federal government can fulfil its role of providing quality and timely services to the people, especially in terms of education, health, safety and welfare.

"Therefore, the cost of providing these services needs to be balanced with the imposition of taxes that are reasonable and match the level of service required by the people."

He was responding to Senator Datuk Dr Arman Azha Abu Hanifah, who asked about the Finance Ministry's intervention measures regarding tax reforms.

THE SUN

Tarikh: 20 MAR 2024

Selangor denies rumour on demolition of iconic building

KUALA LUMPUR: The Selangor State Development Corporation has denied claims that its 47-year-old complex in Shah Alam will be demolished.

It said in a statement the corporation was disappointed with such baseless claims and would lodge reports to the police and the Malaysian Communications and Multimedia Commission against those spreading such fake news.

"We wish to reiterate there are no plans to demolish the complex. It is 47 years old and a landmark in Shah Alam that plays an important role in providing business services and shopping facilities for residents in Selangor, especially those staying in the area."

The corporation said it was a project to refurbish buildings on land it owns in Section 14, Shah Alam,

which was apart of its plans to develop and provide better facilities to the community. The project works are expected to start by the third quarter of the year.

"The RM2 billion project will involve several plots of land in Section 14, including the SACC Mall and Shah Alam Convention Centre. The initial part of the project does not involve the complex at all.

"Instead, the area will be upgraded to provide better facilities and services, so the local community and visitors can enjoy a conducive environment."

It said the rejuvenation project was in line with its efforts to assist in the development of Shah Alam as a carbon-free city, with buildings upgraded to adopt the "centralised chill water" system and

green energy initiative.

"It is also to fulfil our commitment to contribute towards the development of the city and improve the socioeconomic status of Selangor."

"Throughout the process, business operations at the complex will continue as usual and visitors will be able to continue using the facilities and services for their shopping experience." - Bernama

20/3/24
Not Sun

THE SUN
20 MAR 2024

Tarikh:

Officers given the nod to enforce smoking ban دريڤر

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has authorised 189 enforcement officers such as auxiliary police, local authorities and other agencies under Section 3 of the Food Act 1983 (Act 281) to ensure public compliance with the ban on smoking in prohibited places.

Its deputy minister Lukanisman Amang Sauni said this process will continue under the Smoking Products Control Act for Public Health 2024 (Act 852) besides community empowerment through the involvement of NGOs, professional bodies and others.

"Until now there are 189 enforcement officers and auxiliary police, namely 95 enforcers from Kuala Lumpur City Hall, 77 auxiliary police from Sunway Group and 17 auxiliary police from Universiti Teknologi Mara Sungai Buloh, that have been delegated to ensure public compliance," he said at a question-and-answer session at Dewan Negara yesterday.

He was replying to Senator Dr Noraini Idris' supplementary question on enforcement collaboration by the ministry with related parties to curb smoking in public places.

Lukanisman said the creation of a special space outside the restaurant area, which is a place gazetted as a no-smoking area, must obtain the permission of the local authority.

He said the Housing and Local Government Ministry on Jan 20, 2020 issued a circular that if any party wants to set up a smoking area, it must be built according to the conditions set and must obtain the permission from authorities.

"The main purpose is to ensure that only basic facilities such as cigarette ashtrays are provided to prevent smokers from staying in those places for a long time," he said. - Bernama



The provision of smoking areas is to ensure compliance while also ensuring cleanliness of public places. - MASRY CHE ANI/THESUN

THE SUN

Tarikh: 20 MAR 2024